



SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBIAYAAN PERIBADI BAGI TUJUAN UMRAH, HAJI DAN ZIARAH
FREQUENTLY ASKED QUESTION ON PERSONAL FINANCING FOR THE PURPOSE OF UMRAH, HAJJ & PILGRIMAGE

<p>Soalan 1 : / <i>Question 1 :</i></p>	<p>Apakah yang membezakan antara skim ini dan skim pembiayaan peribadi lain yang ditawarkan di BSN? / <i>What is the difference between this scheme and other personal financing schemes offered at BSN?</i></p>
<p>Jawapan : / <i>Answer :</i></p>	<p>Perbezaan antara skim ini dan skim pembiayaan peribadi yang lain adalah sebahagian daripada pengeluaran pembiayaan (iaitu bersamaan harga pakej yang dipilih oleh pelanggan) akan dibayar terus kepada agensi pelancongan. / <i>The difference between this scheme and other personal financing schemes, is that part of the disbursement amount (equivalent to the package price chosen by the customer) will be paid directly to the travel agencies.</i></p>
<p>Soalan 2 : / <i>Question 2 :</i></p>	<p>Apakah kelebihan mengambil pakej pembiayaan umrah, haji dan ziarah melalui skim pembiayaan peribadi BSN? / <i>What are the advantages of taking the umrah, hajj & pilgrimage financing package through BSN personal financing scheme?</i></p>
<p>Jawapan : / <i>Answer :</i></p>	<p>Antara kelebihannya adalah seperti berikut / <i>Among the advantages are:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pelanggan boleh mendapatkan lebih wang tunai untuk perbelanjaan peribadi / <i>Customer may obtain extra cash for their personal consumption</i> ii) Pembiayaan peribadi sehingga RM400,000 (tertakluk kepada kelayakan) / <i>Personal financing up to RM400,000 (subject to customer's eligibility)</i>
<p>Soalan 3 : / <i>Question 3 :</i></p>	<p>Apakah hukum menunaikan ibadah umrah ataupun haji menggunakan pembiayaan peribadi? / <i>What is the ruling of performing Hajj or Umrah using personal financing?</i></p>
<p>Jawapan : / <i>Answer :</i></p>	<p>Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-69 bertarikh 13-15 Jun 2005 telah membuat keputusan bahawa hukum seseorang Muslim menunaikan haji ataupun umrah secara berhutang adalah dibenarkan dengan syarat diyakini mampu membayar hutang tersebut dan bebas daripada unsur riba. / <i>The Fatwa Committee of the National Council in the 69th Muzakarah dated 13-15 June 2005, has made a conclusion that the Muslims are permitted to perform a Hajj or Umrah in debt provided the debt is payable and usury-free.</i></p>
<p>Soalan 4 : / <i>Question 4 :</i></p>	<p>Siapakah yang bertanggungjawab menyelesaikan baki tertunggak pembiayaan sekiranya pelanggan meninggal dunia atau mengalami kecacatan kekal? / <i>Who is responsible for settling the outstanding balance of financing in the event of the customer's death or permanent disability?</i></p>
<p>Jawapan : / <i>Answer :</i></p>	<p>BSN menawarkan perlindungan takaful untuk skim pembiayaan peribadi. Sekiranya pelanggan tersebut ada mengambil perlindungan takaful, baki tertunggak pembiayaan akan diselesaikan oleh syarikat takaful. Namun, sekiranya wang yang diterima daripada syarikat takaful tidak mencukupi, waris hendaklah menjelaskan sepenuhnya jumlah yang masih perlu dibayar. Sebaliknya, jika wang yang diterima melebihi jumlah tertunggak Pelanggan, maka lebihan tersebut akan dipulangkan kepada waris. / <i>BSN offers takaful protection for the personal financing schemes. If the customer has taken takaful protection, the outstanding balance of financing will be settled by the takaful company. However, if the money received from the takaful company is not enough, the heir must fully settle the outstanding amount accordingly. On the other hand, if the money received exceeds the customer's outstanding amount, then the excess will be returned to the heirs.</i></p>

Soalan 5 : / Question 5 :	Siapakah yang layak untuk memohon pembiayaan peribadi bagi tujuan umrah, haji dan ziarah? / Who is eligible to apply for personal financing for the purpose of umrah, hajj and pilgrimage?
Jawapan : / Answer :	Pelanggan yang beragama Islam serta memenuhi kriteria skim pembiayaan peribadi bagi tujuan umrah, haji dan ziarah layak untuk memohon. / Muslim customers who meet the criteria of personal financing amount scheme for the purpose of umrah, hajj and pilgrimage are eligible to apply.
Soalan 6 : / Question 6 :	Berapakah amaun pembiayaan yang ditawarkan melalui skim permbiayaan peribadi BSN? / How much financing is offered through BSN personal financing scheme?
Jawapan : / Answer :	Sehingga RM400,000 (tertakluk kepada kelayakan) / Up to RM400,000 (subject to eligibility)
Soalan 7 : / Question 7 :	Berapakah tempoh maksimum pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh BSN? / What is the maximum personal financing tenure offered by BSN?
Jawapan : / Answer :	10 tahun / 10 years
Soalan 8 : / Question 8 :	Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan bagi inisiatif ini? / How much is the profit rate imposed for this initiative?
Jawapan : / Answer :	Kadar keuntungan yang dikenakan adalah sama seperti skim semasa yang layak bagi pelanggan berkenaan. / The profit rate charged is the same as the current scheme for which the customer is eligible.
Soalan 9 : / Question 9 :	Bagaimanakah cara untuk memohon skim pembiayaan peribadi bagi tujuan umrah, haji dan ziarah? / How to apply for personal financing scheme for the purpose of umrah, hajj and pilgrimage?
Jawapan : / Answer :	Pelanggan boleh menghadirkan diri di mana-mana cawangan BSN atau syarikat agensi pelancongan terpilih yang berhampiran bagi membuat permohonan. / Customer may visit the nearest BSN branch or any selected travel agencies to make an application.
Soalan 10 : / Question 10 :	Bagaimanakah cara-cara untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai skim pembiayaan peribadi bagi tujuan umrah, haji dan ziarah? / How to find out more information about personal financing scheme for the purpose of umrah, hajj & pilgrimage?
Jawapan : / Answer :	<p>Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai skim pembiayaan peribadi bagi tujuan umrah, haji dan ziarah: / For more information about personal financing scheme for the purpose of umrah, hajj & pilgrimage:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Layari laman sesawang BSN: / Visit our BSN website : https://www.bsn.com.my/IslamicBanking/Financing/bsn-myringgit-i-public-sector-hajj-umrah?lang=en&csrt=77165239789501209 2. Kunjungi mana-mana Cawangan BSN yang berdekatan / Visit to any nearest BSN branch 3. Sila hubungi 1300-88-1900 / Please contact 1300-88-1900